



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI SAINTIFIK (B.2 EB.3)
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI SAINTIFIK
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Arkeologi / *Chemistry* / *Conservation of Cultural Heritage* / *Museology* / *Museum Studies* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja penganalisaan makmal, laporan Unit Saintifik dan melaksanakan kajian saintifik mengenai bahan-bahan warisan budaya dari segi aspek berkaitan dengan pemeliharaan;
2. Melaksanakan pemeriksaan dan kerja-kerja pemantauan suhu dan kelembapan di dewan-dewan pameran dan stor simpanan bahan-bahan budaya;
3. Membantu Ketua Bahagian dalam mentadbir, merancang, mengendalikan dan memajukan rancangan-rancangan atau projek-projek jangka pendek dan panjang Bahagian Pemeliharaan terutama dalam pemeliharaan koleksi bahan sama ada yang dipamerkan mahupun yang disimpan di dalam stor;
4. Memperbaiki dan memajukan prosedur dan metodologi penganalisaan;
5. Menyelaras kebersihan stor dan dewan-dewan pameran yang melibatkan kestabilan koleksi bahan dan mengenal pasti serangga perosak di dewan pameran dan stor koleksi;
6. Membantu dalam melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan di dalam makmal dan setempat (*on-site*); dan
7. Memberi nasihat dan perkhidmatan teknikal (pemeliharaan dan pembaikan) kepada bahagian-bahagian lain di Jabatan Muzium-Muzium.